UMT PRESS

Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research
Journal Homepage: https://journal.umt.edu.my/index.php/umtjur/
eISSN: 2637-1138
DOI: http://doi.org/10.46754/umtjur.2026.10.001

HUBUNGAN PEMPENGARUH TERHADAP MOTIVASI PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH SEKITAR DAERAH SABAK BERNAM

THE RELATIONSHIP BETWEEN INFLUENCERS AND STUDENT MOTIVATION IN SECONDARY SCHOOLS AROUND THE SABAK BERNAM DISTRICT

NOR AZRY SAID ADUI[1], NUR FATIN NABILAH SHAHROM[2]* AND SOLIHAH HJ. YAHYA ZIKRI[2]

[1]*Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, Bestari Jaya, 45600 Kuala Selangor, Selangor, Malaysia*
[2]*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, 02600 Arau, Perlis, Malaysia*

**Corresponding author: fatinnabilahshahrom@uitm.edu.my*

ARTICLE INFO

Article History:
Received: 19 September 2024
Revised: 10 March 2026
Accepted: 16 April 2026
Published: 15 October 2026

Keywords:
Pempengaruh, motivasi, sekolah menengah, pelajar

ABSTRACT

Era digital telah membawa perubahan besar terhadap motivasi pelajar, terutamanya melalui pengaruh media sosial dan pempengaruh. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap keterdedahan pelajar kepada pempengaruh, hubungan antara pempengaruh dengan motivasi pelajar serta pengaruh pempengaruh dalam menentukan tahap motivasi pelajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan melibatkan seramai 90 orang pelajar dalam kalangan Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5 yang dipilih melalui pensampelan rawak mudah dari tiga buah sekolah. Instrumen kajian berbentuk soal selidik yang dibahagikan kepada empat bahagian utama. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 24.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap keterdedahan pelajar kepada pempengaruh berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.96. Sementara itu, hubungan antara pempengaruh dengan motivasi pelajar turut berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.88. Pengaruh pempengaruh dalam menentukan tahap motivasi pelajar pula berada pada tahap rendah dengan nilai min 2.43. Secara keseluruhannya, terdapat hubungan yang signifikan antara pempengaruh dengan motivasi pelajar (r = 0.579, $p < 0.01$). Kajian ini memberikan implikasi terhadap peranan keluarga, pihak sekolah dan pihak berkepentingan dalam memantau serta membimbing pelajar agar pengaruh pempengaruh di media sosial dapat dimanfaatkan secara sewajarnya dalam membentuk motivasi pelajar.

The digital era has brought about significant changes in students' motivation, particularly through the influence of social media and influencers. This study aims to identify the level of students' exposure to influencers, the relationship between influencers and students' motivation, and to determine the influence of influencers on students' levels of motivation. A quantitative approach was employed, involving 90 students from Form 3 to Form 5, who were selected through simple random sampling from three schools. The research instrument was a questionnaire that divided into four main sections. The data collected were subsequently analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 24.0. The findings indicate that the level of students' exposure to influencers was moderate, with a mean score of 2.96. Meanwhile, the relationship between influencers and students' motivation was also at a moderate level, with a mean score of 2.88. The influence of influencers in determining students' levels of motivation was found to be low, with a mean score of 2.43. Overall, a significant relationship was found between influencers and students' motivation ($r = 0.579$, $p < 0.01$). This study highlights the implications for families, schools, and relevant stakeholders in monitoring and guiding students, so that the influence of social media influencers can be utilised appropriately in fostering student motivation.

© UMT Press

Pengenalan

Pada era globalisasi ini, teknologi merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pembentukan insan, khususnya dalam kalangan generasi muda. Namun begitu, kemajuan teknologi turut memberikan kesan terhadap motivasi golongan muda, terutamanya pelajar, sama ada dalam bentuk positif mahupun negatif (Odgers & Jensen, 2020; Rosen *et al.*, 2022). Salah satu aspek yang berkait rapat dengan perkembangan motivasi pelajar ialah pengaruh pempengaruh melalui media sosial (Rosen *et al.*, 2022).

Kini, media sosial bukan sahaja menjadi medium komunikasi dan hiburan, malah turut berkembang sebagai salah satu sumber pendapatan dan kerjaya. Kewujudan pelbagai platform media sosial yang mampu menjana pendapatan telah melahirkan individu yang berbakat dalam menghasilkan dan mengolah kandungan yang menarik serta mendapat perhatian masyarakat. Golongan ini merangkumi pempengaruh dan YouTuber. Menurut Muaz *et al.* (2021), pempengaruh media sosial (social media influencer) terdiri daripada individu yang mempunyai bakat dan kemahiran tersendiri dalam pelbagai bidang seperti gaya hidup, pengembaraan, fesyen, makanan, kecantikan, seni, dan automotif.

Selain itu, terdapat pelbagai platform media sosial yang boleh digunakan oleh individu untuk memperkenalkan dan menonjolkan diri, antaranya *TikTok*, *Instagram*, dan *YouTube*. Pempengaruh merupakan individu yang dikenali oleh masyarakat umum dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pemikiran serta tingkah laku orang lain. Dalam konteks pelajar, pengaruh tersebut boleh memberikan kesan terhadap motivasi mereka. Sesetengah kandungan yang dihasilkan oleh

pempengaruh berpotensi memberikan inspirasi dan dorongan yang positif kepada pelajar. Namun demikian, pengaruh tersebut juga boleh membawa kesan yang sebaliknya sekiranya kandungan yang diterima tidak ditapis dengan sewajarnya.

Hal ini demikian kerana pelajar yang kurang mendapat pendedahan tentang kerjaya serta cara menjadi pempengaruh di media sosial mungkin terdedah kepada pengaruh yang menyebabkan mereka menyimpang daripada matlamat asal dan membentuk pemikiran yang kurang seimbang. Menurut Anisa *et al.* (2020), antara masalah yang dihadapi oleh kebanyakan pelajar remaja hari ini adalah kurang keyakinan diri, bersikap pasif, menarik diri daripada aktiviti sosial secara fizikal, dan mudah berputus asa. Salah satu aspek psikologi yang perlu diberikan perhatian dalam kalangan remaja ialah tahap keyakinan diri. Norhafzan Jaafar (2018) turut berpandangan bahawa masalah psikologi atau mental dalam kalangan remaja merupakan antara aspek yang perlu diberikan perhatian dalam menangani masalah pelajar.

Oleh itu, kandungan yang disampaikan oleh pempengaruh melalui media sosial boleh mempengaruhi tahap motivasi pelajar, sama ada ke arah yang positif atau sebaliknya. Pengaruh tersebut bergantung pada jenis kandungan yang diterima serta cara pelajar mentafsir dan menggunakannya. Oleh sebab itu, peranan pempengaruh media sosial bukan sahaja berpotensi memberikan kesan positif, malah boleh membawa kesan negatif kepada golongan muda, khususnya pelajar. McCrae dan Grealish (2020) menyatakan bahawa penggunaan media sosial secara berlebihan dalam kalangan remaja boleh dikaitkan dengan pembentukan kendiri, tingkah laku dan sikap tertentu. Dalam keadaan tertentu, penggunaan media sosial yang tidak terkawal juga dikaitkan dengan risiko terhadap kesejahteraan psikologi remaja.

Sementara itu, Siti Ezaleila (2016) menjelaskan bahawa media sosial boleh meningkatkan tahap estim kendiri, namun pada masa yang sama turut berpotensi menyebabkan penurunan estim kendiri dalam kalangan remaja. Permasalahan tersebut menunjukkan bahawa penggunaan media sosial boleh memberikan kesan terhadap pembentukan kendiri pelajar. Selain berpotensi mempengaruhi motivasi diri, pengaruh pempengaruh media sosial juga boleh memberikan kesan terhadap pembentukan akhlak dan moral pelajar, bergantung pada kandungan yang diikuti dan diterima oleh mereka.

Dalam konteks pendidikan, motivasi secara umumnya merujuk dorongan atau daya usaha yang mendorong seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat melalui pemikiran dan tindakan yang positif serta sifat tidak mudah berputus asa. Menurut Bruner (1966), motivasi turut berkait dengan naluri ingin tahu dan dorongan mencapai kecekapan dalam diri seseorang. Selain itu, Purwanto (1992) menjelaskan bahawa motivasi berperanan menggerakkan seseorang sehingga timbul keinginan dan kemahuan untuk melakukan sesuatu bagi memperoleh hasil atau mencapai tujuan tertentu. Kamaruddin (1997) pula menyatakan bahawa motivasi merupakan kecenderungan dalam diri seseorang yang dapat mempengaruhi tingkah lakunya. Oleh itu, pembentukan watak yang positif dalam diri seseorang pelajar dapat membentuk tingkah laku yang baik serta mewujudkan suasana yang harmoni dalam persekitarannya. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap keterdedahan pelajar kepada pempengaruh di media sosial serta meneliti sejauh mana hubungan antara pempengaruh dengan motivasi pelajar di sekolah menengah sekitar Sabak Bernam.

Pernyataan Masalah

Kajian mengenai pengaruh pempengaruh media sosial terhadap motivasi pelajar masih menunjukkan beberapa jurang yang memerlukan penelitian lanjut. Kajian terdahulu telah membincangkan pengaruh media sosial dan pempengaruh terhadap tingkah laku serta kecenderungan remaja. Walau bagaimanapun, hubungan langsung antara pengaruh pempengaruh dengan motivasi akademik pelajar sekolah menengah, khususnya dalam konteks luar bandar seperti Sabak Bernam masih kurang didokumentasikan (Lajnef *et al.*, 2023; Sivakumar *et al.*, 2023).

Selain itu, kesan pempengaruh terhadap pelajar didapati tidak seragam kerana dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk jenis pempengaruh, bentuk kandungan serta tahap penerimaan pelajar. Namun demikian, kajian yang meneliti faktor pemediasi dan moderator seperti jenis platform, kredibiliti pempengaruh serta penglibatan persekitaran sekolah dan keluarga masih terbatas dalam konteks Malaysia (Aschwanden *et al.*, 2024).

Di samping itu, terdapat kebimbangan bahawa pendedahan yang berlebihan kepada kandungan pempengaruh boleh menimbulkan perbandingan sosial, tekanan mental dan gangguan tumpuan yang seterusnya menjejaskan kesejahteraan psikologi, emosi serta keupayaan pelajar untuk memberi tumpuan kepada aktiviti pembelajaran.

Pada masa yang sama, individu yang dikenali melalui media sosial seperti pempengaruh semakin berpengaruh dalam kehidupan golongan muda dan berpotensi mempengaruhi cara pelajar melihat diri sendiri serta membentuk motivasi untuk menjadi individu yang lebih baik. Walau bagaimanapun, pengaruh tersebut tidak semestinya memberikan kesan yang positif kerana kandungan yang dipaparkan boleh membentuk persepsi, aspirasi dan standard kehidupan yang tidak realistik dalam kalangan pelajar sekiranya diterima tanpa pertimbangan kritis.

Berdasarkan rujukan yang telah dikaji, sebahagian penelitian terdahulu telah memberikan gambaran tentang perilaku pelajar serta motivasi mereka untuk belajar dalam hubungannya dengan pengaruh media sosial yang disampaikan oleh pempengaruh. Namun demikian, penelitian yang secara khusus menghubungkan tahap keterdedahan pelajar kepada pempengaruh dengan motivasi mereka, khususnya dalam kalangan pelajar sekolah menengah di kawasan Sabak Bernam masih perlu diperkembangkan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap keterdedahan pelajar kepada pempengaruh serta meneliti hubungan antara pengaruh pempengaruh dengan motivasi pelajar.

Kajian Literatur

Tahap Motivasi Pelajar Era Kini

Pada era digital ini, motivasi pelajar tidak bersifat statik dan sentiasa berubah mengikut keadaan seperti pengaruh persekitaran, minat, budaya, tingkah laku serta faktor-faktor lain yang mempengaruhi kecenderungan mereka untuk bertindak secara positif atau sebaliknya. Menurut Shally *et al.* (2023), motivasi merupakan unsur dalaman yang mendorong tingkah laku manusia dan berkait rapat dengan pencapaian serta pembentukan tindakan. Dalam konteks pendidikan semasa, pelbagai faktor luaran turut memberikan kesan terhadap motivasi pelajar termasuk pandemik global, penggunaan media sosial dan keperluan pembelajaran secara digital.

Beberapa kajian semasa turut mendapati bahawa pandemik COVID-19 telah menyebabkan perubahan besar terhadap pengalaman pembelajaran pelajar. Sebagai contoh, Zulamir dan Ahmad Faheem (2023) menjelaskan bahawa peralihan secara mendadak kepada pembelajaran dalam talian telah meningkatkan gejala tekanan dan kegelisahan serta menyebabkan penurunan motivasi dalam kalangan pelajar universiti. Hal ini disokong oleh kajian Fatimah *et al.* (2022) yang mendapati bahawa gangguan emosi sepanjang pandemik memberikan impak langsung terhadap pencapaian dan motivasi akademik pelajar.

Selain itu, penggunaan media sosial secara berlebihan turut didapati memberikan kesan terhadap motivasi pelajar. Rüther *et al.* (2023) menunjukkan bahawa pengaruh pempengaruh media sosial (social media influencer) dapat meningkatkan perbandingan sosial dan kebergantungan emosi yang seterusnya berpotensi menyebabkan penurunan harga diri serta motivasi dalaman pelajar. Faktor pembelajaran dalam talian juga merupakan antara aspek yang menyumbang kepada keadaan tersebut. Menurut Irza (2021), pelajar berdepan dengan pelbagai cabaran seperti capaian talian internet yang lemah, kekurangan peranti dan tekanan emosi yang akhirnya memberikan kesan terhadap motivasi mereka untuk mengikuti pembelajaran.

Dalam pada itu, kajian oleh Khan (2021) mendapati bahawa langkah-langkah pengurusan pandemik seperti pembendungan dan pengasingan turut memberikan kesan terhadap motivasi guru dan pelajar, khususnya dalam proses mengadaptasi diri dengan pembelajaran secara digital. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa motivasi pelajar pada era kini dipengaruhi oleh gabungan faktor psikologi, sosial dan teknologi. Oleh sebab itu, institusi pendidikan dan pelajar sendiri perlu memahami strategi yang sesuai untuk meningkatkan motivasi melalui sokongan emosi, penyediaan kemudahan pembelajaran yang mencukupi serta pembentukan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

Hubungan Pempengaruh Terhadap Pelajar

Menurut Haapasalmi (2017), individu berpengaruh merupakan individu yang mampu mencetuskan tindak balas dalam diri individu lain. Dalam konteks media sosial, pempengaruh menghasilkan dan menyampaikan kandungan yang berpotensi memberikan kesan terhadap pengguna, sama ada dalam bentuk positif mahupun negatif. Sehubungan dengan itu, kualiti kandungan yang disampaikan merupakan antara elemen penting yang diberikan perhatian oleh pengguna media sosial. Hal ini selari dengan kajian Gillin (2008) yang menyatakan bahawa kualiti isi kandungan merupakan elemen utama yang dilihat oleh pengguna dalam video yang dihasilkan oleh individu berpengaruh. Pengaruh yang disampaikan melalui media sosial berpotensi memberikan kesan terhadap motivasi pelajar masa kini. Menurut Ramli (2016), kemunculan media sosial baharu turut menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada pengguna.

Dari aspek kesan negatif, kajian yang dijalankan oleh Patti *et al.* (2021) terhadap 387 orang remaja berumur antara 13 hingga 15 tahun menunjukkan terdapat hubungan negatif antara penggunaan media sosial dan estim kendiri. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa penggunaan media sosial boleh dikaitkan dengan perubahan terhadap penilaian individu terhadap dirinya sendiri. Selain itu, kajian Keles *et al.* (2020) mendapati bahawa penggunaan media sosial secara berlebihan dalam kalangan remaja

boleh dikaitkan dengan pembentukan estim kendiri, tingkah laku berisiko dan sikap tertentu. Berkaitan dengan perkara tersebut, Jyoth dan Vinodh (2020) menjelaskan bahawa peringkat remaja dan dewasa awal merupakan tempoh penting bagi seseorang individu dalam membina identiti diri serta hubungan yang bermakna. Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa gaya hidup yang dipaparkan oleh individu yang popular dan terkenal di media sosial mempengaruhi 54% pengguna media sosial dalam kalangan remaja. Sehubungan dengan itu, dapatan Buzzetto-More *et al.* (2015) membuktikan bahawa generasi muda, khususnya pelajar berhadapan dengan pelbagai risiko dan bahaya dalam penggunaan perkhidmatan rangkaian sosial.

Walau bagaimanapun, pengaruh media sosial masa kini tidak semestinya memberikan kesan negatif kerana terdapat juga manfaat yang boleh menyumbang kepada motivasi pelajar. Menurut Anushree *et al.* (2020), walaupun perbandingan sosial yang berlaku melalui media sosial boleh menimbulkan perasaan cemburu dan menyebabkan penurunan estim kendiri, namun keadaan tersebut juga berpotensi menjadi sumber inspirasi yang seterusnya meningkatkan estim kendiri individu. Selain itu, hasil dapatan kajian Jamiah *et al.* (2016) mendapati bahawa penggunaan media sosial membolehkan generasi Z berhubung secara langsung dan kerap dengan keluarga yang tinggal berjauhan serta berinteraksi dengan rakan. Media sosial juga membolehkan mereka mengetahui perkembangan terkini, mempelajari pelbagai perkara baharu, membina dan mengukuhkan jaringan sosial, mendokumentasikan pemikiran, bakat dan minat, menjimatkan kos komunikasi serta menambah pendapatan melalui perniagaan.

Oleh yang demikian, tidak semua pempengaruh media sosial (sosial media influencer) memberikan kesan yang negatif. Dalam pada itu, pengaruh tersebut juga berpotensi memberikan impak yang positif terhadap pembentukan dan peningkatan motivasi pelajar pada masa kini. Oleh itu, pemantauan dan bimbingan yang sewajarnya daripada pihak yang bertanggungjawab termasuk keluarga dan pihak sekolah, penting bagi membantu pelajar memanfaatkan pengaruh media sosial secara positif.

Tahap Keterdedahan Pelajar Terhadap Pempengaruh (Influencer) dalam Media Sosial

Perkembangan pesat media sosial telah mengubah cara remaja berinteraksi, memperoleh maklumat dan membina identiti. Remaja menjadikan pempengaruh sebagai salah satu sumber rujukan sosial yang semakin dominan. Pelajar sekolah menengah kini terdedah kepada pelbagai bentuk kandungan yang dihasilkan oleh pempengaruh melalui platform seperti *TikTok*, *Instagram*, dan *YouTube*. Kajian oleh Lajnef *et al.* (2023) menunjukkan bahawa remaja banyak menerima isyarat berkaitan dengan tingkah laku dan gaya hidup melalui pengaruh selebriti digital kerana mempunyai capaian yang luas serta kandungan yang dianggap dekat dengan kehidupan mereka. Keadaan ini menjadikan keterdedahan kepada pempengaruh sebagai sebahagian daripada rutin harian pelajar.

Selain jumlah masa yang dihabiskan di media sosial, literatur turut menunjukkan bahawa keterdedahan kepada pempengaruh memberikan kesan terhadap aspek psikologi pelajar, khususnya dalam pembentukan harga diri dan tanggapan terhadap diri sendiri. Chew Chin Yee dan Shahlan Surat (2021) mendapati bahawa kandungan yang memaparkan kehidupan serba sempurna, pencapaian material, dan rupa paras ideal

menyebabkan sebahagian pelajar mengalami tekanan sosial untuk menyesuaikan diri dengan standard yang tidak realistik. Perbandingan sosial yang berlebihan ini boleh menurunkan tahap keyakinan diri serta memberikan kesan terhadap kesejahteraan emosi pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa jenis kandungan yang diikuti memainkan peranan penting dalam membentuk tindak balas psikologi pelajar.

Walau bagaimanapun, keterdedahan kepada pempengaruh tidak hanya membawa implikasi negatif. Beberapa kajian mendapati bahawa pempengaruh yang menghasilkan kandungan berkaitan dengan pendidikan, motivasi atau pembangunan diri berpotensi meningkatkan sikap dan minat pelajar terhadap pembelajaran. Sebagai contoh, Aulia dan Kurniawan (2024) melaporkan bahawa 78% pelajar sekolah menengah menunjukkan peningkatan motivasi belajar selepas mengikuti pempengaruh yang berkongsi maklumat pendidikan dan teknik pembelajaran yang berkesan. Keadaan ini menunjukkan bahawa keterdedahan terhadap pempengaruh boleh menjadi pemangkin motivasi akademik apabila kandungan yang diakses bersifat positif dan relevan dengan perkembangan pelajar.

Namun demikian, literatur turut memberikan peringatan bahawa keterdedahan yang tidak terkawal kepada kandungan hiburan atau kandungan yang tidak berfokus boleh menjejaskan tumpuan pelajar terhadap pembelajaran. Nordin *et al.* (2023) mendapati bahawa penggunaan media sosial secara intensif boleh menyebabkan gangguan tumpuan, kesukaran mengurus masa, dan kecenderungan untuk menangguhkan tugasan sekolah, sekali gus menjejaskan prestasi akademik. Kesan ini lebih ketara apabila pelajar mengikuti pempengaruh yang mempromosikan gaya hidup berorientasikan hiburan, keseronokan, dan aktiviti yang tidak berkaitan dengan pembelajaran. Oleh sebab itu, tahap keterdedahan perlu dilihat bukan sahaja dari segi kekerapan, tetapi juga berdasarkan jenis kandungan, intensiti penggunaan, dan keupayaan pelajar mengawal diri.

Secara keseluruhan, literatur menunjukkan bahawa keterdedahan kepada pempengaruh mempunyai implikasi yang berbeza terhadap perkembangan pelajar, sama ada positif mahupun negatif bergantung pada jenis kandungan, tahap penggunaan, dan keupayaan pelajar menapis maklumat secara kritis. Oleh itu, kajian mengenai tahap keterdedahan pelajar terhadap pempengaruh perlu memberikan tumpuan kepada dimensi seperti jenis platform, kekerapan interaksi, bentuk kandungan serta kesannya terhadap motivasi, kesejahteraan psikologi, dan prestasi akademik. Perkara ini penting bagi memahami cara fenomena sosial semasa tersebut mempengaruhi proses pembelajaran dalam konteks pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian merupakan aspek penting dalam sesuatu penyelidikan kerana menerangkan prosedur dan tatacara yang sistematik dalam pelaksanaan sesuatu kajian. Menurut Creswell dan Plano (2011), reka bentuk kajian membantu penyelidik menentukan kaedah yang sesuai untuk digunakan sepanjang proses penyelidikan. Dalam kajian ini, reka bentuk kajian berbentuk tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengkaji tahap keterdedahan pelajar kepada pempengaruh serta hubungannya dengan motivasi pelajar.

Secara umumnya, kajian tinjauan merupakan kaedah penyelidikan yang menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengumpulkan maklumat daripada

responden melalui set soalan yang telah disediakan. Dalam kajian ini, data dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan secara dalam talian menggunakan platform *Google Forms*. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklum balas dan maklumat yang berkaitan dengan persoalan kajian.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah set soal selidik yang mengandungi 35 item dan dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, dan Bahagian D. Bahagian A berkaitan dengan maklumat demografi responden. Bahagian B pula bertujuan mengenal pasti tahap keterdedahan pelajar kepada pempengaruh di media sosial. Seterusnya, Bahagian C berkaitan dengan hubungan antara pempengaruh dengan motivasi pelajar. Bahagian D pula bertujuan mengenal pasti tahap motivasi pelajar dalam konteks kesan positif dan negatif pengaruh pempengaruh.

Data yang diperoleh melalui soal selidik dalam *Google Forms* seterusnya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 24.0. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan gambaran tentang tahap keterdedahan pelajar terhadap pempengaruh serta hubungannya dengan motivasi pelajar masa kini.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar sekolah menengah di tiga buah sekolah dalam daerah Sabak Bernam. Pemilihan sekolah dilakukan berdasarkan faktor ketersediaan akses, lokasi, dan kesesuaian dengan objektif kajian. Populasi kajian merangkumi pelajar daripada pelbagai latar belakang, termasuk aspek bangsa, agama, dan tahap akademik. Walau bagaimanapun, hanya seramai 90 orang pelajar dipilih sebagai sampel kajian. Seramai 30 orang pelajar dipilih daripada setiap sekolah yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 3, Tingkatan 4, dan Tingkatan 5.

Kaedah pensampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah pensampelan bertujuan (purposive sampling). Kaedah ini digunakan kerana pemilihan sekolah dan pelajar dibuat berdasarkan kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh penyelidik, antaranya tahap pendidikan pelajar, kesesuaian lokasi, dan kebolehcapaian responden. Hanya pelajar yang memenuhi kriteria, iaitu pelajar Tingkatan 3, Tingkatan 4, dan Tingkatan 5 diberikan peluang unutk menyertai kajian.

Selain itu, proses pengumpulan data melalui borang soal selidik dalam talian menggunakan *Google Forms* turut melibatkan elemen persampelan mudah (convenience sampling). Hal ini demikian kerana pemilihan responden turut mengambil kira aspek kebolehcapaian, persetujuan dan kesediaan pelajar untuk menjawab instrumen kajian melalui capaian digital. Gabungan kedua-dua pendekatan tersebut membolehkan penyelidik memperoleh sampel yang memenuhi keperluan kajian, di samping memudahkan proses pengumpulan data dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data

Maklumat yang diperoleh daripada responden dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 24.0. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif bagi mendapatkan nilai frekuensi, peratusan, min, dan sisihan piawaian. Hasil dapatan dalam Bahagian B, C, dan D dianalisis berdasarkan nilai skor min yang dibahagikan kepada empat tahap, iaitu tinggi, sederhana, rendah, dan sangat rendah seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Jadual 1: Nilai skor min interpretasi skor min skala Likert empat mata

Skor Min	Interpretasi
1.00–1.50	Sangat rendah
1.51–2.50	Rendah
2.51–3.50	Sederhana
3.51–4.00	Tinggi

Sumber: Harun *et al.* (2016)

Merujuk Jadual 1, penentuan tahap adalah berdasarkan nilai skor yang telah ditetapkan.Skala yang digunakan dalam soal selidik ini pula ialah skala Likert yang mengandungi empat tahap, iaitu 1: Sangat Tidak Setuju, 2: Kurang Setuju, 3: Setuju, dan 4: Sangat Setuju.

Kajian Rintis

Pengkaji telah menjalankan kajian rintis terhadap item-item soal selidik yang dibina menggunakan *Google Forms*. Kajian rintis ini dijalankan bertujuan menguji dan menambah baik instrumen kajian, khususnya dari aspek kebolehpercayaan dan kesahannya. Seramai 90 orang pelajar daripada tiga buah sekolah telah diminta untuk menjawab soal selidik bagi menguji kebolehpercayaan menggunakan ujian Cronbach's Alpha melalui SPSS versi 24.0.

Jadual 2: Nilai Cronbach's Alpha

Item	Nilai Cronbach's Alpha
Bahagian B	0.826
Bahagian C	0.698
Bahagian D	0.827
Jumlah purata	**0.891**

Berdasarkan Jadual 2, dapat dirumuskan bahawa nilai Cronbach's Alpha bagi keseluruhan item adalah tinggi, iaitu 0.891. Seterusnya, Bahagian B dan D masing-masing memperoleh nilai Cronbach's Alpha sebanyak 0.826 dan 0.827. Nilai tersebut menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik bagi item-item dalam kedua-dua bahagian tersebut. Walau bagaimanapun, Bahagian C memperoleh nilai Cronbach's Alpha sebanyak 0.698 yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang lebih rendah berbanding dengan Bahagian B dan D. Oleh itu, item-item dalam Bahagian C perlu diberikan perhatian dan dipertimbangkan untuk penambahbaikan bagi memastikan instrumen kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sesuai.

Hasil Kajian

Bahagian A (Demografi Responden)



Rajah 1: Taburan responden mengikut jantina

Rajah 1 menunjukkan taburan demografi responden berdasarkan jantina. Kajian ini melibatkan seramai 90 orang responden yang terdiri daripada 37 orang pelajar lelaki (41.1%) dan 53 orang pelajar perempuan (58.9%). Berdasarkan data tersebut, responden perempuan merupakan kumpulan majoriti dengan peratusan tertinggi, manakala responden lelaki mencatatkan jumlah yang lebih rendah. Keseluruhannya, taburan ini merupakan gabungan responden daripada tiga buah sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam.



Rajah 2: Taburan responden mengikut tingkatan

Rajah 2 menunjukkan taburan responden berdasarkan tingkatan, iaitu Tingkatan 3, Tingkatan 4, dan Tingkatan 5. Daripada keseluruhan 90 orang pelajar Tingkatan 4 mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu seramai 37 orang (41.1%). Seterusnya, seramai 29 orang pelajar Tingkatan 5 (32.2%) terlibat dalam kajian ini, manakala pelajar Tingkatan 3 mencatatkan jumlah terendah, iaitu seramai 24 orang (26.7%). Kesemua responden tersebut merupakan pelajar daripada tiga buah sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam.



Rajah 3: Taburan responden mengikut bangsa

Berdasarkan dapatan kajian (Rajah 3), majoriti responden terdiri daripada pelajar berbangsa Melayu, iaitu seramai 79 orang (87.7%). Seterusnya, pelajar berbangsa Cina mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu seramai 9 orang (10.0%). Pelajar berbangsa India dan lain-lain masing-masing mencatatkan jumlah yang sama, iaitu seorang (1.1%). Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa pelajar berbangsa Melayu merupakan kumpulan majoriti dalam kajian ini.



Rajah 4: Taburan responden mengikut agama

Rajah 4 menunjukkan taburan respondan mengikut agama bagi keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini. Pelajar beragama Islam mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu seramai 80 orang (88.9%). Seterusnya, seramai sembilan orang pelajar beragama Buddha (10.0%) terlibat dalam kajian ini. Dalam pada itu, pelajar beragama Hindu mencatatkan jumlah terendah, iaitu seorang (1.1%).



Rajah 5: Taburan responden mengikut nama sekolah

Carta pai terakhir menunjukkan taburan responden berdasarkan sekolah yang terlibat dalam kajian ini. SMKA Tun Rahah mencatatkan jumlah responden tertinggi, iaitu seramai 38 orang (42.2%). Seterusnya, SMK Ungku Aziz diwakili oleh 27 orang pelajar (30.0%), manakala SMK Seri Bedena melibatkan seramai 25 orang pelajar (27.8%). Secara keseluruhannya, jumlah responden daripada ketiga-tiga buah sekolah ialah seramai 90 orang bersamaan 100%.

Bahagian B (Tahap Keterdedahan Pelajar kepada Pempengaruh)

Soalan Kajian 1: Bagaimanakah tahap keterdedahan pelajar kepada pempengaruh di media sosial?

Jadual 3 merupakan analisis deskriptif berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan terhadap 90 orang responden, iaitu pelajar bagi mengkaji item dalam Bahagian C. Sebanyak 10 item telah digunakan untuk mengenal pasti tahap keterdedahan pelajar terhadap pempengaruh di media sosial.

Jadual 3: Tahap keterdedahan terhadap pempengaruh media sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam

Bil.	Item	Min	Sisihan	Interpretasi
B1	Adakah anda aktif menggunakan media sosial?	3.22	0.650	Sederhana
B2	Adakah anda menggunakan media sosial setiap hari?	3.21	0.742	Sederhana
B3	Adakah anda mengenali pempengaruh melalui media sosial?	2.98	0.687	Sederhana
B4	Adakah anda meminati pempengaruh yang mempunyai pengikut (followers) yang ramai?	2.60	0.761	Sederhana
B5	Adakah anda meminati pempengaruh yang kaya dan mewah?	2.34	0.781	Rendah
B6	Adakah anda meminati pempengaruh yang mengetengahkan pengisian ilmu seperti ilmu agama, ilmu penyelenggaraan motor atau ilmu masakan?	3.43	0.601	Sederhana
B7	Adakah anda meminati pempengaruh yang suka membantu golongan yang memerlukan?	3.37	0.644	Sederhana
B8	Adakah anda meminati pempengaruh yang berperwatakan menarik?	3.22	0.650	Sederhana
B9	Adakah anda meminati pempengaruh yang mengetengahkan pengisian jenaka?	3.06	0.798	Sederhana
B10	Adakah anda mengenali dan meminati pempengaruh sejak sekolah rendah?	2.20	0.889	Rendah
	Skor Purata Bahagian B	**2.9633**	**0.45257**	**Sederhana**

Berdasarkan Jadual 3, dapat dirumuskan bahawa hasil analisis bagi keseluruhan item dalam Bahagian B adalah berkaitan dengan tahap keterdedahan pelajar kepada pempengaruh di media sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam. Secara keseluruhannya, tahap keterdedahan pelajar kepada pempengaruh memperoleh nilai min sebanyak 2.96 dengan tahap interpretasi sederhana dan nilai sisihan piawaian sebanyak 0.452. Seterusnya, item B6 mencatatkan nilai min tertinggi dalam Bahagian B, iaitu 3.43 dengan sisihan piawai sebanyak 0.601. Item tersebut ialah "*Adakah anda meminati pempengaruh yang mengetengahkan pengisian ilmu seperti ilmu agama, ilmu penyelenggaraan motor atau ilmu masakan?*" Nilai min tersebut menunjukkan bahawa item B6 berada pada tahap interpretasi sederhana dan merupakan nilai min tertinggi berbanding dengan item-item yang lain dalam Bahagian B. Dalam pada itu, item B10 mencatatkan nilai min terendah, iaitu 2.20 dengan sisihan piawai sebanyak 0.889. Item tersebut ialah "*Adakah anda mengenali dan meminati pempengaruh sejak sekolah rendah?*" Nilai min bagi item ini berada pada tahap interpretasi rendah dan merupakan nilai sisihan piawai terendah bagi keseluruhan item dalam Bahagian B.

Bahagian C (Hubungan Pempengaruh Terhadap Motivasi Pelajar)

Soalan Kajian 2: Sejauh manakah hubungan pempengaruh terhadap motivasi pelajar di sekolah menengah sekitar Sabak Bernam?

Jadual 4 menunjukkan analisis deskriptif bagi soal selidik yang telah dijalankan terhadap 90

orang responden, iaitu pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam. Bahagian C mengandungi 10 item yang bertujuan mengenal pasti hubungan antara pempengaruh dengan motivasi pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam.

Jadual 4: Hubungan antara pempengaruh dengan motivasi pelajar

Bil.	Item	Min	Sisihan	Interpretasi
C1	Saya lebih yakin pada diri saya selepas mengikuti *influencer*.	2.43	0.808	Rendah
C2	*Influencer* memberikan kesan positif pada diri saya.	2.98	0.560	Sederhana
C3	*Influencer* membantu saya dalam membentuk sahsiah diri.	2.86	0.712	Sederhana
C4	Pembelajaran saya menjadi lebih baik setelah mengikuti cara hidup *influencer.*	2.44	0.781	Rendah
C5	Saya aktif melakukan amal kebajikan seperti *influencer*.	2.72	0.581	Sederhana
C6	*Content influencer* yang disampaikan menjadikan saya lebih bersungguh-sungguh dalam pembelajaran.	2.96	0.686	Sederhana
C7	*Influencer* menjadikan saya seorang yang bersemangat dalam mencapai cita-cita.	3.14	0.712	Sederhana
C8	Saya menjadi seorang yang malas belajar kerana melihat *influencer* yang tidak ada sijil pelajaran juga boleh hidup mewah.	3.54	0.737	Tinggi
C9	Saya mudah merasa rendah diri selepas menonton *content* daripada *influencer.*	2.14	0.855	Rendah
C10	*Influencer* menjadikan saya tidak bersyukur dengan apa yang saya ada.	3.66	0.621	Tinggi
	Skor Purata Bahagian C	**2.88**	**0.344**	**Sederhana**

Berdasarkan Jadual 4, hasil analisis dapatan kajian bagi item-item dalam Bahagian C yang bertujuan mengkaji hubungan antara pempengaruh dengan motivasi pelajar di tiga buah sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam. Secara keseluruhannya, Bahagian C memperoleh nilai min sebanyak 2.88 dengan tahap interpretasi sederhana dan nilai sisihan piawai sebanyak 0.344. Seterusnya, item C10 mencatatkan nilai min tertinggi dalam Bahagian C, iaitu 3.66 dengan sisihan piawai sebanyak 0.621. Item tersebut ialah "*Influencer menjadikan saya tidak bersyukur dengan apa yang saya ada.*" Nilai min ini berada pada tahap interpretasi tinggi dan menunjukkan bahawa item tersebut memperoleh tahap persetujuan yang lebih tinggi dalam kalangan responden berbanding dengan item-item lain dalam Bahagian C. Dalam pada itu, item C9 mencatatkan nilai min terendah, iaitu 2.14 dengan sisihan piawai sebanyak 0.855. Item tersebut ialah "*Saya mudah merasa rendah diri selepas menonton content daripada influencer.*" Nilai min bagi item ini berada pada tahap interpretasi rendah dan merupakan nilai min terendah berbanding dengan item-item lain dalam Bahagian C. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengaruh pempengaruh terhadap motivasi pelajar wujud pada tahap sederhana berdasarkan

respons yang diberikan oleh 90 orang responden terhadap 10 item yang dikemukakan.

Bahagian D (Pengaruh Pempengaruh dalam Menentukan Tahap Motivasi Positif dan Negatif Pelajar)

Soalan Kajian 3: Bagaimanakah pengaruh pempengaruh menentukan tahap motivasi positif dan negatif pelajar sekolah menengah di sekitar Sabak Bernam?

Jadual 5 menunjukkan analisis deskriptif berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan terhadap 90 orang responden, iaitu pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam. Analisis ini melibatkan 10 item dalam Bahagian C yang bertujuan mengenal pasti pengaruh pempengaruh media sosial dalam menentukan tahap motivasi pelajar.

Jadual 5: Tahap motivasi pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam

Bil.	Item	Min	Sisihan	Interpretasi
D1	Saya selalu bersetuju dengan kandungan dan pendapat yang diberikan oleh pempengaruh media sosial.	2.44	0.655	Sederhana
D2	Saya mengikuti pempengaruh media sosial untuk menerokai perkara baharu.	2.90	0.704	Sederhana
D3	Saya akan melakukan perkara yang dicadangkan oleh pempengaruh media sosial.	2.30	0.661	Rendah
D4	Saya selalu mengikuti perkembangan dan status terkini pempengaruh media sosial.	2.36	0.891	Rendah
D5	Sekiranya pempengaruh media sosial meminta bantuan daripada pengikutnya, saya sanggup membantu beliau tanpa berfikir.	1.86	0.773	Rendah
D6	Sekiranya pempengaruh media sosial membalas mesej saya, saya akan berasa sangat gembira.	2.54	0.901	Sederhana
D7	Saya terinspirasi untuk menjadi seorang pempengaruh media sosial setelah melihat kejayaan pempengaruh media sosial yang sedia ada.	2.28	0.887	Rendah
D8	Keterampilan saya berubah ke arah yang lebih baik setelah mengikuti gaya hidup pempengaruh media sosial yang saya minati.	2.63	0.880	Sederhana
D9	Salah satu faktor saya berani dan berkeyakinan untuk ke hadapan adalah daripada pengaruh pempengaruh media sosial.	2.67	0.848	Sederhana
D10	Saya beranggapan bahawa menjadi pempengaruh di media sosial merupakan kerjaya yang boleh diceburi oleh pelajar.	2.40	0.923	Rendah
	Skor Purata Bahagian D	**2.43**	**0.557**	**Rendah**

Berdasarkan Jadual 5, dapat dilihat bahawa hasil kajian bagi item-item dalam Bahagian D bertujuan mengenal pasti tahap motivasi pelajar di tiga buah sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam. Paparan jumlah skor keseluruhan bagi Bahagian D menunjukkan bahawa perubahan motivasi pelajar mencatatkan nilai min sebanyak 2.43, dengan tahap interpretasi yang rendah dan nilai sisihan piawaian sebanyak 0.557. Di samping itu, item D9, iaitu "*Salah satu faktor saya berani dan berkeyakinan*

untuk ke hadapan adalah daripada pengaruh pempengaruh media sosial" mencatatkan nilai min tertinggi, iaitu 2.67. Nilai tersebut berada pada tahap interpretasi sederhana dengan sisihan piawaian sebanyak 0.848. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengaruh pempengaruh media sosial mempunyai kaitan dengan keberanian dan keyakinan sebahagian pelajar untuk bergerak ke hadapan. Pelajar memberikan respons yang positif terhadap item tersebut, khususnya melalui pilihan jawapan "Sangat Setuju" dan "Setuju". Seterusnya, item D5, iaitu "*Sekiranya pempengaruh media sosial meminta bantuan daripada pengikutnya, saya sanggup membantu beliau tanpa berfikir*" mencatatkan nilai min terendah, iaitu 1.86. Item tersebut berada pada tahap interpretasi rendah dengan nilai sisihan piawaian sebanyak 0.773. Dapatan ini menunjukkan bahawa kecenderungan pelajar untuk membantu pempengaruh media sosial tanpa pertimbangan terlebih dahulu adalah rendah. Oleh itu, respons terhadap item ini menunjukkan bahawa pelajar tidak cenderung untuk memberikan persetujuan yang tinggi terhadap pernyataan tersebut. Secara keseluruhannya, dapatan bagi Bahagian D menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar berdasarkan 10 item yang dikaji berada pada tahap rendah, dengan nilai min keseluruhan sebanyak 2.43. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengaruh pempengaruh media sosial terhadap motivasi pelajar, termasuk aspek positif dan negatif masih berada pada tahap yang rendah berdasarkan interpretasi skor min yang diperoleh.

Analisis Keseluruhan Bahagian Kajian Hubungan Pempengaruh Terhadap Motivasi Pelajar (Keseluruhan Bahagian B, C, dan D)

Merujuk jadual dapatan kajian, analisis deskriptif telah dijalankan berdasarkan nilai min dan sisihan piawaian yang diperoleh. Analisis tersebut bertujuan mengenal pasti tahap keterdedahan pelajar terhadap pempengaruh media sosial, tahap hubungan antara pempengaruh dengan pelajar serta tahap motivasi pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam. Sehubungan dengan itu, jumlah keseluruhan bagi setiap bahagian serta nilai skor purata bagi keseluruhan bahagian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Nilai min, sisihan piawai dan interpretasi bagi keseluruhan item

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawaian	Interpretasi
1	Bahagian B (Pemahaman dan pengetahuan pelajar)	2.96	0.452	Tinggi
2	Bahagian C (Perubahan motivasi)	2.88	0.344	Sederhana
3	Bahagian D (Kesan dan impak positif atau negatif)	2.43	0.557	Rendah
Jumlah Skor Purata		**6.66**	**0.812**	**Tinggi**

Merujuk nilai min bagi keseluruhan Bahagian B, didapati bahawa nilai min yang diperoleh ialah 2.96, iaitu pada tahap interpretasi tinggi. Nilai sisihan piawaian bagi bahagian tersebut pula berada pada tahap sederhana. Seterusnya, Bahagian C mencatatkan nilai min sebanyak 2.88, iaitu pada tahap interpretasi sederhana, dengan nilai sisihan piawaian sebanyak 0.344. Bagi Bahagian D, nilai min keseluruhan yang diperoleh ialah 2.43, iaitu pada tahap interpretasi rendah. Secara keseluruhannya,

nilai purata bagi semua bahagian adalah sebanyak 6.66, manakala nilai sisihan piawaian ialah 0.812. Dapatan ini memberikan gambaran keseluruhan terhadap respons responden bagi semua item dalam soal selidik.

Hubungan Signifikan antara Tahap Pengaruh Pempengaruh Terhadap Pelajar dan Tahap Motivasi Pelajar Sekolah Menengah di Sekitar Daerah Sabak Bernam

Merujuk hasil dapatan kajian dan persoalan kajian yang telah dibincangkan sebelum ini, Bahagian C dan Bahagian D mempunyai perkaitan dalam konteks kajian ini. Bagi menguji hubungan antara tahap pengaruh pempengaruh terhadap pelajar dengan tahap motivasi pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam, ujian korelasi Pearson telah digunakan dengan bantuan perisian SPSS versi 24.0. Ujian korelasi Pearson digunakan untuk menentukan kekuatan dan arah hubungan antara dua pemboleh ubah yang mempunyai hubungan linear. Tafsiran kekuatan hubungan adalah berdasarkan nilai pekali (r). Aras kekuatan nilai pekali (r) yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan panduan yang dikemukakan oleh Piaw (2014) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Korelasi Pearson-r tahap hubungan pempengaruh kepada pelajar dan tahap motivasi pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam

Pemboleh Ubah	r	p	Aras Signifikan
Min C (Tahap hubungan pempengaruh kepada pelajar)	0.579	0.01	Signifikan
Min D (Tahap motivasi pelajar)	0.579	0.01	Signifikan

Merujuk tafsiran kekuatan hubungan, nilai pekali kolerasi (r) antara 0.91 hingga 1.00 menunjukkan hubungan yang sangat kuat. Nilai pekali kolerasi antara 0.71 hingga 0.90 pula menunjukkan hubungan yang kuat. Seterusnya, nilai pekali antara 0.51 hingga 0.7 menunjukkan hubungan yang sederhana, manakala nilai pekali antara 0.31 hingga 0.51 menunjukkan hubungan yang lemah. Sekiranya nilai pekali korelasi ialah 0, maka tidak terdapat hubungan linear antara kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji.

Oleh itu, pengkaji menggunakan analisis inferensi melalui ujian korelasi Pearson bagi memastikan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengaruh pempengaruh terhadap pelajar dengan tahap motivasi pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam. Ujian korelasi Pearson digunakan setelah analisis normaliti menunjukkan bahawa data bertaburan secara normal. Dapatan analisis tersebut ditunjukkan dalam Jadual 7.

Hasil analisis inferensi menggunakan korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara tahap pengaruh pempengaruh terhadap pelajar dengan tahap motivasi pelajar, dengan nilai pekali kolerasi sebanyak r = -0.579. Nilai tersebut menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah adalah pada tahap sederhana dan mempunyai arah hubungan negatif. Nilai kolerasi yang sama turut diperoleh bagi Bahagian C dan Bahagian D. Walau bagaimanapun, penentuan kesignifikanan hubungan tersebut pada aras keertian $\alpha = .01$ perlu dibuat berdasarkan nilai signifikan atau nilai-p yang diperoleh daripada ujian korelasi Pearson. Sekiranya nilai-p kurang daripada .01, hipotesis nol (H_0) ditolak dan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengaruh

pempengaruh terhadap pelajar dengan tahap motivasi pelajar. Dalam pada itu, sekiranya nilai-p melebihi .01, hipotesis nol (H_0) tidak ditolak. Berdasarkan keputusan ujian yang diperoleh, sekiranya nilai-p menunjukkan keputusan yang signifikan pada aras keertian 0.01, data memberikan bukti yang mencukupi untuk menyimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap perubahan motivasi pelajar dengan tahap impak dan kesan (motivasi) pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabar Bernam.

Perbincangan Kajian

Kefahaman dan Pengetahuan (Tahap Keterdedahan Pelajar Terhadap Pempengaruh)

Kajian ini menilai pengetahuan dan kefahaman terhadap tahap keterdedahan pelajar kepada pempengaruh di media sosial pada hari ini. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, tahap keterdedahan pelajar terhadap pempengaruh media sosial menunjukkan dapatan yang positif berdasarkan respons soal selidik yang diberikan oleh pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar sekolah kini telah terdedah kepada pelbagai kandungan yang disampaikan pempengaruh media sosial, sama ada kandungan yang memberikan kesan positif mahupun negatif. Berdasarkan dapatan kajian, nilai min keseluruhan bagi Bahagian B ialah 2.96, manakala nilai sisihan piawaian ialah 0.452. Nilai tersebut menunjukkan bahawa tahap pendedahan pelajar terhadap pempengaruh media sosial berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi. Merujuk analisis deskriptif Bahagian B, item B6 mencatatkan nilai min tertinggi, iaitu 3.43. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa item B6 merupakan item yang memperoleh tahap respons tertinggi dalam aspek yang dikaji berkaitan dengan tahap keterdedahan pelajar terhadap pempengaruh media sosial.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Kantar (2016) menggunakan pendekatan kuantitatif bagi meneliti tahap penggunaan media sosial. Kajian tersebut mendapati bahawa rakyat Malaysia merupakan pengguna *Instagram* yang aktif, dengan kadar penggunaan sebanyak 73% berbanding dengan 53% sebelum ini. Sehubungan dengan itu, perkembangan penggunaan media sosial menunjukkan bahawa pelajar turut berhadapan dengan pelbagai kandungan yang disampaikan oleh pempengaruh melalui media sosial.

Kajian seterusnya menilai sejauh mana hubungan antara pempengaruh media sosial dengan motivasi pelajar. Berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam, Bahagian C menunjukkan dapatan berdasarkan respons pelajar terhadap item-item yang berkaitan dengan hubungan pempengaruh media sosial dengan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai min keseluruhan bagi Bahagian C ialah 2.88, manakala nilai sisihan piawaian ialah 0.344. Nilai tersebut menunjukkan bahawa Bahagian C berada pada tahap interpertasi sederhana tinggi berdasarkan skala yang digunakan dalam kajian. Merujuk analisis deskriptif Bahagian C, item C10 mencatatkan nilai min tertinggi, iaitu 3.66 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.621. Berdasarkan skala interpretasi yang digunakan, item C10 mencatatkan nilai min yang lebih tinggi berbanding dengan item-item lain dalam Bahagian C.

Perubahan Motivasi Tahap Perubahan Sahsiah dan Kendiri Pelajar

Dalam analisis yang mengkaji hubungan antara pempengaruh media sosial dengan motivasi pelajar, dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian terdahulu oleh Meeter (2020). Kajian tersebut menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar mengalami penurunan berdasarkan perbandingan tahap motivasi sebelum dan selepas pandemik COVID-19. Tahap motivasi sebelum pandemik COVID-19 mencatatkan skor min sebanyak 0.394, manakala tahap motivasi selepas pandemik COVID-19 mencatatkan skor min sebanyak 0.070. Oleh yang demikian, dapatan tersebut menunjukkan bahawa perkara yang disampaikan oleh pempengaruh media sosial mudah diterima oleh golongan muda, terutamanya pelajar dan berpotensi mempengaruhi kehidupan mereka, sama ada dari segi perkara yang positif mahupun negatif. Sehubungan dengan itu, analisis bagi item-item dalam Bahagian C perlu ditafsirkan berdasarkan nilai min, sisihan piawai, dan kriteria interpretasi yang telah ditetapkan dalam kajian.

Pengaruh Pempengaruh dalam Menentukan Tahap Motivasi Positif dan Negatif Pelajar

Berdasarkan Jadual 6, keputusan analisis deskriptif bagi Bahagian D yang berkaitan dengan motivasi pelajar menunjukkan bahawa skor min keseluruhan ialah 2.43, manakala nilai sisihan piawai ialah 0.557. Berdasarkan skala penilaian yang digunakan, nilai tersebut menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar berada pada tahap rendah.

Analisis terhadap item-item dalam Bahagian D menunjukkan bahawa terdapat variasi dari segi skor min dan tahap interpretasi. Item yang mencatatkan nilai min tertinggi ialah item D9, iaitu "*Salah satu faktor saya berani dan berkeyakinan untuk ke hadapan adalah daripada pengaruh pempengaruh,*" dengan nilai min sebanyak 2.67 dan sisihan piawai sebanyak 0.848. Berdasarkan kriteria interpretasi yang digunakan, skor tersebut berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian pelajar cenderung bersetuju bahawa pempengaruh media sosial memberikan pengaruh terhadap keberanian dan keyakinan diri mereka.

Dalam pada itu, item yang mencatatkan nilai min terendah ialah item D5, iaitu "*Sekiranya pempengaruh media sosial meminta bantuan daripada pengikutnya, saya sanggup membantu beliau tanpa berfikir,*" dengan nilai min sebanyak 1.86 dan sisihan piawai sebanyak 0.773. Skor tersebut berada pada tahap rendah berdasarkan kriteria interpretasi yang digunakan. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar secara umum kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa kesediaan pelajar untuk mengambil tindakan atau memberikan komitmen sebagai respons terhadap pengaruh media sosial adalah rendah.

Secara keseluruhannya, purata skor motivasi pelajar di tiga buah sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam berada pada tahap rendah, walaupun terdapat item tertentu seperti aspek keyakinan diri yang mencatatkan tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar masih mempunyai ruang untuk ditingkatkan melalui intervensi pendidikan dan sokongan yang bersesuaian.

Dapatan ini selaras dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa pendedahan kepada *influencer* memberikan kesan yang lebih ketara terhadap aspek psikologi seperti keyakinan diri, keberanian,

dan motivasi afektif berbanding dengan aspek tindakan atau komitmen sosial pelajar (Sivakumar *et al.*, 2023; Aschwanden *et al.*, 2024). Item D9 yang mencatatkan skor tertinggi menunjukkan bahawa pelajar menerima pengaruh pempengaruh media sosial dalam aspek pembinaan keyakinan diri. Sementara itu. item D5 yang mencatatkan skor terendah menunjukkan bahawa kesediaan pelajar untuk bertindak atau mengambil inisiatif sebagai respons terhadap pengaruh digital masih berada pada tahap rendah.

Selain itu, dapatan ini menunjukkan bahawa pendedahan kepada *influencer* semata-mata tidak mencukupi untuk meningkatkan motivasi pelajar secara menyeluruh. Faktor lain seperti sokongan guru, kaedah pembelajaran, persekitaran sekolah, dan kandungan yang dikongsikan oleh *influencer* turut mempengaruhi tahap motivasi pelajar (Chew & Shahlan, 2021; Lajnef *et al.*, 2023). Oleh sebab itu, strategi pengintegrasian media sosial dalam pendidikan perlu mengambil kira kandungan yang bermanfaat, penglibatan aktif pelajar serta sokongan institusi bagi mengoptimumkan kesan positif terhadap motivasi dan prestasi akademik.

Secara keseluruhannya, analisis Bahagian D menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar berada pada tahap rendah berdasarkan skor min keseluruhan sebanyak 2.43. Walaupun terdapat item yang menunjukkan pengaruh positif pempengaruh media sosial terhadap aspek tertentu seperti keberanian dan keyakinan diri, tahap motivasi pelajar secara keseluruhannya masih memerlukan sokongan tambahan. Dapatan ini memberikan implikasi bahawa intervensi pendidikan yang berfokus pada penggunaan media sosial secara konstruktif boleh dipertimbangkan sebagai salah satu strategi untuk menyokong peningkatan motivasi dan pembelajaran pelajar sekolah menengah.

Sumbangan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada pelbagai pihak, khususnya pelajar, guru, ibu bapa, pempengaruh media sosial, dan pihak-pihak yang berkaitan dengan pembangunan motivasi pelajar. Dalam era perkembangan teknologi yang pesat, dapatan kajian ini dapat memberikan maklumat berkaitan dengan tahap motivasi pelajar terhadap pempengaruh di media sosial. Selain itu, kajian ini turut memberikan gambaran tentang perkembangan penggunaan teknologi baharu di Malaysia yang boleh dimanfaatkan dalam konteks pendidikan dan pembangunan pelajar.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat membantu guru dan pihak sekolah dalam memahami sikap, sahsiah, disiplin, dan tingkah laku pelajar. Maklumat dan dapatan yang diperoleh dapat membantu pihak sekolah mengenal pasti perubahan tahap motivasi pelajar serta menentukan pendekatan yang sesuai untuk menanganinya secara baik dan berhemah. Sehubungan dengan itu, guru dan pihak sekolah dapat mengambil tindakan yang lebih bersesuaian bagi menyokong peningkatan prestasi pelajar, khususnya dari aspek motivasi dan pembangunan kendiri.

Akhir sekali, kajian ini berpotensi memberikan kesedaran kepada pelajar tentang cara berkomunikasi dan berinteraksi dengan pempengaruh secara baik dan berhemah. Selain itu, pendedahan terhadap pengetahuan serta bidang yang diperkenalkan oleh pempengaruh dapat membantu pelajar mengenal pasti bidang yang berpotensi untuk diceburi pada masa akan datang. Penyampaian nilai dan perkara yang bermanfaat oleh pempengaruh amat penting,

terutamanya dalam konteks penggunaan media sosial pada masa ini. Kandungan yang positif serta tunjuk ajar yang sesuai daripada pempengaruh berpotensi membantu meningkatkan motivasi dan kebolehan pelajar untuk mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang pada masa hadapan. Oleh sebab itu, peranan semua pihak dalam membimbing pelajar menggunakan teknologi secara bijak amat diperlukan. Pemantauan dan bimbingan yang berterusan daripada pihak berkaitan dapat membantu memastikan penggunaan teknologi memberikan manfaat kepada pelajar serta menyokong perkembangan diri dan kejayaan mereka pada masa akan datang.

Kesimpulan dan Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan antara tahap pengaruh pempengaruh media sosial dengan tahap motivasi pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Sabak Bernam. Walaupun terdapat pengaruh positif pempengaruh terhadap aspek tertentu seperti peningkatan keyakinan dan keberanian diri yang ditunjukkan melalui item D9, tahap motivasi keseluruhan pelajar masih berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengaruh pempengaruh media sosial tertentu tidak semestinya meningkatkan motivasi pelajar secara menyeluruh. Selain itu, motivasi pelajar turut dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran yang lain. Oleh yang demikian, pengaruh media sosial tidak boleh dilihat sebagai satu-satunya faktor yang menentukan tahap motivasi pelajar. Malah, pengaruh tersebut perlu dilihat bersama faktor persekitaran seperti sokongan guru, ibu bapa, rakan sebaya, dan persekitaran sekolah.

Sehubungan dengan itu, pihak sekolah dan guru disarankan untuk memanfaatkan kandungan positif daripada *influencer* dengan mengintegrasikan elemen pendidikan dan motivasi dalam aktiviti pembelajaran yang bersesuaian. Pada masa yang sama, pelajar perlu diberikan bimbingan untuk menilai, memilih, dan menapis kandungan media sosial supaya dapat memanfaatkan kandungan yang positif serta mengurangkan pendedahan kepada kandungan yang negatif. Sokongan aktif daripada guru dan ibu bapa juga penting dalam menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti yang dapat membina keyakinan diri, motivasi, dan kemahiran sosial. Tambahan pula, kajian lanjutan dicadangkan untuk meneliti faktor lain yang mungkin mempengaruhi hubungan antara pempengaruh media sosial dengan motivasi pelajar seperti jenis kandungan yang disampaikan, tahap penglibatan pelajar serta konteks keluarga dan sekolah. Kajian yang lebih menyeluruh terhadap faktor-faktor tersebut dapat memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang peranan media sosial dalam perkembangan motivasi pelajar dan seterusnya membantu pihak berkaitan merancang intervensi yang lebih bersesuaian.

Penghargaan

Kajian ini tidak menerima pembiayaan daripada mana-mana geran.

Pernyataan Konflik Kepentingan

Para penulis bersetuju bahawa kajian ini telah dijalankan tanpa sebarang kepentingan peribadi, komersial atau kewangan yang boleh mempengaruhi pelaksanaan dan hasil kajian. Para penulis juga mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan dengan mana-mana pihak pembiaya.

Sumbangan Pengarang

Nor Azry Said berperanan sebagai pengkaji dan pengumpul data bagi kajian ini. Nur Fatin Nabilah Shahrom merupakan penyelia utama serta penulis koresponden yang bertanggungjawab menguruskan penulisan artikel, termasuk melaksanakan pembetulan yang dicadangkan. Solihah Haji Yahya Zikri pula berperanan sebagai editor akhir sebelum artikel ini diserahkan kepada pihak editor jurnal.

Rujukan

Abdul Aziz, H. A. M., & Mohd Dali, S. Z. (2025). Engagement or enlightenment? Understanding TikTok's role in learning: A statistical exploration. *The Asian Journal of Professional & Business Studies*, *6*(1), 177–187. https://doi.org/10.61688/ajpbs.v6i1.400

Alias, A., & Parzi, M. N. (2015, May 1). Remaja terpengaruh media sosial. *Berita Harian.* https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/05/50941/remaja-terpengaruh-media-sosial

Ambok Welan, Z. A. H., & Zulkifli, A. F. (2023). The impact of online learning on mental illness among physical and health education students at Malaysian public university. *Asian Journal of University Education (AJUE)*, *19*(4), 632–637. https://doi.org/10.24191/ajue.v19i4.24625

Aschwanden, R., & Messner, C. (2024). How influencers motivate inactive adolescents to be more physically active: A mixed methods study. *Frontiers in Public Health*, *12*, 1429850, 1–17. https://doi.org/10.3389/fpubh.2024.1429850

Azmi, F. M., Khan, H. N., & Azmi, A. M. (2022). The impact of virtual learning on students' educational behavior and pervasiveness of depression among university students due to the COVID-19 pandemic. *Global Health*, *18*, 70. https://doi.org/10.1186/s12992-022-00863-z

Basri, F. N. (2022). Social media addiction and academic performance of students. *Ulum Islamiyyah*, *34*(2), 1–17. https://doi.org/10.33102/uij.vol34no2.476

Dorasamy, M., & Samah, N. A. (2022). Tahap pengaplikasian media digital dalam kalangan guru Bahasa Tamil di sekolah rendah. *Innovative Teaching and Learning Journal*, *6*(1), 10–15. https://doi.org/10.11113/itlj.v6.83

Hajah D., Nooraini, M., Mohiddin, H., Suaad, D., Serbini, H., Sultan, I., & Darussalam. (2019). Fesyen halal style dalam kalangan pelajar UNISSA. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, *4*(19), 139–154. https://academicinspired.com/jised/article/download/1008/1008/4032?utm_source=chatgpt.com

Harun, M., & Syam, H. M. (2018). Pengaruh penggunaan media sosial Instagram terhadap perubahan sikap tujuan wisata liburan mahasiswa Universitas Syiah Kuala. *Jurnal Komunikasi*, *3*(2), 45–58. https://garuda.kemdiktisaintek.go.id/documents/detail/781522

Hassim, A., Atikah, N., Rahman, A., & Ahmad, J. (2019). Persepsi pengguna media sosial terhadap individu

berpengaruh dalam mempromosikan produk di Instagram. *Forum Komunikasi, 14*(1), 70–91. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/30212/1/30212.pdf

Hussin, S. H., & Abu Bakar, N. H. (2023). Motivasi dan penggunaan Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sarawak. *Trends in Undergraduate Research*, *6*(1), 32–41. https://doi.org/10.33736/tur.5506.2023

Iberahim, A. R., Mahamod, Z., & Muna, W. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *7*(2), 77–88. https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/download/152/137

Lajnef, K. (2023). The effect of social media influencers on teenagers' behavior: An empirical study using cognitive map technique. *Current Psychology*, *42*, 19364–19377. https://doi.org/10.1007/s12144-023-04273-1

Mat Said, S. H., Ahmad Hisham, W. N., Hussar, A. N., Anuar, N. E. B., Sarudin, M. F., Sah Allam, S. N., & Hassan, M. S. (2025). The influence of TikTok on academic performance among university students at UiTM Alor Gajah, Melaka. *E-Journal of Media and Society, 8*(1), 1–11. https://doi.org/10.24191/ejoms.v8i1.4854

Nik Abdullah, N. M. S. A., Ali, R., & Muhammad Isa, R. A. (2024). Norma baharu: Cabaran pengajaran digital secara maya pasca COVID 19. Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia (MEDC 2020)*. https://oarep.usim.edu.my/server/api/core/bitstreams/b2b6cb62-4278-48b3-877f-7dcd762ef118/content

Novita, S., Wijayanti, P. A. K., & Wedyaswari, M. (2023). Teacher perception of student reading competence and its relationship to teaching practice: A comparison between pre and during pandemic teaching in Indonesia. *Education Sciences, 13*(1), 45. https://doi.org/10.3390/educsci13010045

Rahman, N., Mohd Zolkifli, Z. F., & Ling, Y.-L. (2020). Kepentingan kemudahan teknologi dan motivasi membentuk kesedaran pelajar dalam pembelajaran digital. Dalam *National Research Innovation Conference (NRICon 2020),* Politeknik Kuching Sarawak, 117–126.

Rathy, A. (2023). A systematic review: The influence of TikTok contents and its effects towards mental health among youth in Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare (JMIW)*, *16*(1), 1–13. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/137020/1/137020.pdf

Ravi, A. (2024). The impact of TikTok on academic motivation among university students in Malaysia. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, *8*(3), 2415–2429. https://dx.doi.org/10.47772/IJRISS.2024.803169

Roslan, Z., & Surat, S. (2022). Hubungan antara tahap kesediaan dan motivasi pelajar sarjana pendidikan semasa pembelajaran atas talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(8), e001652.

https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1652

Shah, S. R., Ahmed, F., & Khan, R. (2018). Writing a critical review of literature: A practical guide for English graduate students. *Global Language Review*, *3*(1), 136–153. https://doi.org/10.31703/glr.2018(III-I).01

Sivakumar, A., Jayasingh, S., & Shaik, S. (2023). Social media influence on students' knowledge sharing and learning: An empirical study. *Education Sciences, 13*(7), 745. https://doi.org/10.3390/educsci13070745

Yahaya, A., & Hamsari, N. A. (2010). Teori-teori motivasi. Universiti Teknologi Malaysia.

Yee, C., Surat, S., & Pendidikan, F. (2021). Pengaruh media sosial influencer terhadap estim kendiri pelajar remaja. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education, 2*(1), 1–18. https://jurnal.nun-g.com/index.php/arise/article/view/84

Yuzulia, I. (2021). The challenges of online learning during pandemic: Students' voice. *Wanastra: Jurnal Bahasa dan Sastra, 13*(1), 8–12. https://doi.org/10.31294/w.v13i1.9759